



Sila baca buku panduan ini dengan teliti sebelum menggunakan mesin basuh ini. Simpan buku panduan ini untuk rujukan kelak.

# Mesin Basuh Tab Kembar Panduan Pengguna

**MODEL:MSW-1308P**

**Baca buku panduan ini.**

Di dalam buku panduan ini anda boleh dapat banyak petua berguna mengenai cara-cara penggunaan dan penyelenggaraan mesin basuh dengan betul. Langkah berjaga-jaga yang diamalkan anda bakal menjimatkan masa dan wang anda sepanjang jangka hayat mesin basuh anda. Anda juga dapat cari jawapan untuk masalah lazim dari jadual penyelesaian masalah. Jika anda mengkaji jadual penyelesaian masalah tersebut terlebih dahulu, anda mungkin tidak perlu meminta bantuan khidmat.




# KANDUNGAN





















Langkah-langkah keselamatan .....	1
Perhatian untuk pemasangan .....	2
Memasang hos penyaliran atas .....	2
Mengubah kedudukan hos penyaliran .....	2
Tempat pemasangan .....	2
Arahan persediaan .....	3
Rujukan kuantiti cucian untuk kapasiti yang berbeza .....	3
Rujukan kuantiti cucian dan sukatan bahan pencuci .....	3
Nama bahagian-bahagian .....	4
Aksesori .....	4
Pengenalan panel kawalan .....	4
Panduan Ringkas .....	5
Cara-cara membasuh .....	5
Cara-cara memutar .....	6
Program cekap .....	7
Ciri-ciri khas .....	7
Fungsi rendam .....	7
Fungsi penggera .....	7
Dwivoltan .....	7
Perhatian untuk penyelenggaraan .....	8
Penyelenggaraan kabinet .....	8
Bersihkan penapis lint .....	8
Perlindungan anti-beku .....	8
Cara-cara untuk keluarkan objek yang terjatuh di dalam bahagian luar tab putaran .....	8
Nota .....	8
Parameter teknikal utama .....	9

# LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN

## Langkah-langkah keselamatan

Patuhi arahan-arahan berikut bagi mencegah kecederaan pada tubuh badan dan kerosakan pada harta benda diri anda dan orang lain:

	Tanda ini bermaksud "beri perhatian", dan gambaran mengenai perkara tertentu yang perlu diberi perhatian adalah seperti ditunjukkan di dalam Δ.
	Tanda ini bermaksud "larangan", dan gambaran mengenai perkara tertentu yang dilarang adalah seperti ditunjukkan di dalam ⊘.
	Tanda ini bermaksud "mesti dilakukan", dan gambaran mengenai perkara tertentu yang mesti dilakukan adalah seperti ditunjukkan di dalam ●.


<p>Jangan cuba memuka mesin ini dengan sendiri.</p>  <p>Dilarang buka!</p>	<p>Jangan letakkan mesin ini di persekitaran yang basah atau terkena air hujan bagi mengelakkan kejutan elektrik, kebakaran, kegagatan mesin atau perubahan bentuk.</p>  <p>Elakkan kelembapan!</p>	<p>Jangan letakkan bahan mudah terbakar seperti lilin yang bernyala, ubat nyamuk, rokok dan sebagainya, atau sumber pemanasan seperti dapur elektrik, kalorifer dan sebagainya di atas mesin ini.</p>  <p>Dilarang</p>	<p>Jangan semburkan air secara terus pada mesin ini.</p>  <p>Jangan sembur air!</p>
<p>Jangan biarkan bayi duduk di atas atau letakkan benda berat di atas mesin ini.</p>  <p>Dilarang</p>	<p>Jangan cuci pakaian yang dikotori oleh kerosin, petrol, alkohol dan lain-lain bahan mudah terbakar.</p>  <p>Dilarang</p>	<p>Pastikan hos air masuk disambungkan dan pili air dibuka sebelum pembasuhan.</p> 	<p>Jangan melebihi paras air maksimum bagi mengelakkan air melimpah keluar dan kegagalan mesin berfungsi.</p>  <p>Dilarang!</p>
<p>Pastikan wayar bumi pada palam disambungkan dengan sempurna bagi mengelakkan kejutan elektrik akibat kebocoran elektrik.</p>  <p>Pembumian</p>	<p>Jangan biarkan bayi memanjat ke atas mesin ini atau bermain berdekatan tab yang berputar bagi mengelakkan kemalangan.</p>  <p>Dilarang!</p>	<p>Jika air suam digunakan, suhu air tidak harus melebihi 50°C.</p>  <p>Dilarang!</p>	<p>Jangan basuh jaket bulu, baju hujan (kalis air) atau pakaian yang seumpamanya.</p>  <p>Dilarang!</p>
<p>Sentiasa bersihkan kotoran dan habuk pada palam kuasa bagi mengelakkan kegagalan penyambungan dengan bekalan kuasa.</p> 	<p>Jangan masukkan tangan ke dalam tab sebelum ia berhenti berputar.</p>  <p>Dilarang masukkan tangan!</p>	<p>Jangan gantikan dawai kuasa dengan sendiri.</p>  <p>Dilarang</p>	<p>Jangan rosakkan kord kuasa dan palam bagi mengelakkan kejutan elektrik, litar pintas atau kebakaran.</p>  <p>Dilarang</p>
<p>Pasangkan palam dengan ketat ketika menggunakan mesin ini.</p> 	<p>Jangan cabut keluar palam dengan menarik kordnya.</p> 	<p>Jangan cabut keluar atau pasangkan palam dengan tangan yang basah bagi mengelakkan kejutan elektrik.</p>  <p>Tangan basah adalah dilarang!</p>	<p>Keluarkan palam dari soketnya selepas penggunaan.</p>  <p>Keluarkan palam!</p>

# PEMASANGAN

## PERHATIAN UNTUK PEMASANGAN

### Memasang hos penyaliran atas

- Perlu satu hos penyaliran dengan diameter minimum 3 cm, dan kapasiti penyaliran air minimum 40 liter per minit.
- Untuk sistem penyaliran atas, hos penyaliran mesti ditempatkan sekurang-kurangnya 86 cm (30 inci) dari bahagian bawah mesin basuh, tetapi tidak melebihi 100 cm.




Untuk Sistem Penyaliran Atas Sahaja

### Mengubah kedudukan hos penyaliran

Kedudukan pemasangan hos penyaliran di kilang adalah pada sebelah tab putaran. Hos penyaliran ini juga boleh dipasang di sebelah tab cucian mesin ini berdasarkan tempat pemasangan. Caranya adalah seperti berikut:

- 1 Tanggalkan kord kuasa dan kosongkan air di dalam hos penyaliran dengan sepenuhnya.
- 2 Bentangkan sehelai kain lembut di atas lantai (contohnya selimut) dan letakkan mesin basuh di atasnya.
- 3 Keluarkan hos penyaliran dari pelekap di sebelah tab putaran, kemudiannya dimasukkan ke dalam pelekap di sebelah tab cucian.
- 4 Gantungkan kit hos penyaliran.



Untuk sistem penyaliran bawah sahaja

### Tempat pemasangan

Jangan sesekali letakkan mesin ini di tempat seperti berikut bagi mengelakkan berlakunya kejutan elektrik, nyahwarna dan perubahan bentuk:

- Tempat terdedah kepada sinaran matahari secara terus menerus
- Tempat terdedah kepada hujan atau salji
- Tempat yang lantainya tidak rata atau tidak stabil



# CARA-CARA PENGGUNAAN

## ARAHAN PERSEDIAAN

- Hidupkan kuasa dan sambungkan hos air masuk.
- Letakkan hos penyaliran bawah ke bawah dan disambungkan pada paip pembetulan, atau letakkan hos penyaliran atas di tempat seperti ditunjukkan di m/s 2.
- Periksa sama ada terdapat sebarang objek seperti duit syiling, pin rambut, lumpur atau pasir di dalam saku pakaian.
- Tali-tali hendaklah diikat terlebih dahulu bagi mengelakkan pakaian daripada liilit-melilit.
- Pakaian boleh dikelaskan untuk dibasuh secara berasingan berdasarkan tekstur, tahap kekotoran dan warna.
- Pakaian yang lebih kecil saiznya seperti sarung kaki atau baju berbulu hendaklah dimasukkan ke dalam beg jaringan nilon untuk dibasuh.

### Lampiran: Rujukan kuantiti cucian untuk kapasiti yang berbeza

Cucian Kapasiti	Kemeja Kira-kira 500 g	Pakaian seragam Kira-kira 650 g	Jean Kira-kira 900 g	Jaket Kira-kira 1600 g
2.0kg Kapasiti	Kira-kira 4 helai	Kira-kira 4 helai	Kira-kira 2 helai	Kira-kira 1 helai
3.0kg Kapasiti	Kira-kira 6 helai	Kira-kira 4 helai	Kira-kira 3 helai	Kira-kira 1 helai
3.6kg Kapasiti	Kira-kira 7 helai	Kira-kira 5 helai	Kira-kira 4 helai	Kira-kira 2 helai
4.6kg Kapasiti	Kira-kira 9 helai	Kira-kira 6 helai	Kira-kira 5 helai	Kira-kira 2 helai
5.0kg Kapasiti	Kira-kira 10 helai	Kira-kira 7 helai	Kira-kira 5 helai	Kira-kira 3 helai
5.5kg Kapasiti	Kira-kira 11 helai	Kira-kira 8 helai	Kira-kira 6 helai	Kira-kira 3 helai
6.0kg Kapasiti	Kira-kira 12 helai	Kira-kira 9 helai	Kira-kira 6 helai	Kira-kira 3 helai
7.0kg Kapasiti	Kira-kira 14 helai	Kira-kira 10 helai	Kira-kira 7 helai	Kira-kira 4 helai
7.5kg Kapasiti	Kira-kira 15 helai	Kira-kira 11 helai	Kira-kira 8 helai	Kira-kira 4 helai
8.0kg Kapasiti	Kira-kira 16 helai	Kira-kira 11 helai	Kira-kira 8 helai	Kira-kira 4 helai
8.5kg Kapasiti	Kira-kira 17 helai	Kira-kira 12 helai	Kira-kira 9 helai	Kira-kira 5 helai
10.0kg Kapasiti	Kira-kira 20 helai	Kira-kira 15 helai	Kira-kira 10 helai	Kira-kira 6 helai
12.0kg Kapasiti	Kira-kira 24 helai	Kira-kira 18 helai	Kira-kira 13 helai	Kira-kira 7 helai
.....	.....	.....	.....	.....

- Jadual di atas hanya sebagai rujukan, berat yang jitu adalah tertakluk kepada pakaian sebenar.


### Lampiran: Rujukan kuantiti cucian dan sukatan bahan pencuci

Jenis kain	Kapasiti cucian (kg)	Paras air	Aliran air	Masa basuh (minit)	Kuantiti bahan pencuci (g)
Kain sintetik, sutera, halus	0-4.5	Rendah	Perlahan	3	Kira-kira 42
	4.5-8.0	Sederhana		3-5	Kira-kira 65
Kapas atau linen	0-8.0	Sederhana	Normal	7	Kira-kira 65
	8.0-13.0	Tinggi		7-10	Kira-kira 87
Sangat kotor	0-8.0	Sederhana	Normal	10	Kira-kira 65
	8.0-13.0	Tinggi		10-35 (rendam 20 minit)	Kira-kira 87

- Sukatan bahan pencuci adalah berbeza mengikut tahap kekotoran dan tekstur cucian.


# PENGENALAN STRUKTUR

## NAMA BAHAGIAN-BAHAGIAN



## Aksesori

## Pengenalan panel kawalan




※Gambarajah di atas hanya untuk rujukan, gambaran yang jitu adalah tertakluk kepada model sebenar.

- Air Masuk : digunakan untuk mengalirkan air ke dalam tab cucian atau tab putaran.
- Pemasa basuh: digunakan untuk memilih masa membasuh yang dikehendaki.
- Pemasa putar: digunakan untuk memilih masa memutar yang dikehendaki.
- Pemilih Basuh-Salir: Untuk proses membasuh atau membilas, pilih "Normal" atau "Banyak"; Untuk menyalirkan air, pilih "salir".



# CARA-CARA PENGGUNAAN

## Panduan ringkas



## Cara-cara membasuh Method

1. Masukkan hos air masuk ke dalam muncung air masuk, dan pilih untuk mengalirkan air masuk ke dalam tab cucian.
2. Masukkan pakaian ke dalam tab cucian dan tambahkan bahan pencuci. Apabila air yang diisi mencapai separuh daripada paras air yang dikehendaki, tutup pili air dan biarkan cucian rendam di dalam larutan selama beberapa minit. Lepas itu isikan air sehingga ke paras air yang dikehendaki.
3. Tentukan program basuh "Normal" atau "Banyak" berdasarkan kuantiti dan tekstur cucian.
4. Putar tombol pemasa basuh untuk tetapkan masa membasuh.
5. Apabila proses membasuh selesai, tetapkan pemilih basuh-salir kepada kedudukan "Salir" untuk menyalirkan air.



Petunjuk Paras Air

## Cara-cara membilas

### A. Bilasan semburan (membilas dalam tab putaran)


- ① Masukkan cucian ke dalam tab putaran selepas proses membasuh.
- ② Buka pili air, pilih untuk isikan air ke dalam tab putaran selama 3-4 minit, lepas itu tutup pili air.
- ③ Tetapkan pemasa putar untuk membilas selama 2-5 minit.
- ④ Langkah-langkah di atas boleh diulangi.

**Nota:** ① Jika air mengandungi karat merah, jangan pilih bilasan semburan. Ini adalah kerana karat mudah terlekat pada pakaian.  
② Pastikan air tidak mengalir masuk ke dalam tab putaran ketika proses memutar.

# CARA-CARA PENGGUNAAN

## B. Bilasan biasa (membilas dalam tab cucian)

- Jalankan proses pra-memutar sebelum membilas bagi menjimatkan masa, air dan tenaga.
- Masukkan cucian yang telah dinyahhidrat ke dalam tab cucian.
- Apabila air yang diisi mencapai paras air yang dikehendaki, tutup pili air untuk menjimatkan air.
- Putar tombol "pemilih basuh" kepada "Normal" atau "Banyak".
- Tetapkan "pemasa basuh" pada masa yang dikehendaki (kira-kira 3-5 minit) untuk proses membilas.
- Selepas membilas, masukkan cucian ke dalam tab putaran untuk diputar kering selama 1-5 minit.
- Salurkan air bilasan ke dalam tab cucian.
- Langkah-langkah di atas boleh diulangi.



## Cara-cara memutar

<p>1. Keluarkan cucian dari tab cucian dan dimasukkan ke dalam tab putaran.</p>	<p>2. Letakkan penutup dalam tab putaran di atas cucian. Pastikan penutup itu diletakkan secara mendatar.</p>														
<p>3. Tutup penutup keselamatan dan penutup tab putaran.</p>	<p>4. Rujuk kepada jadual di bawah untuk memilih masa memutar.</p>														
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bahan cucuhan</th> <th>Masa putar</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kain sutera</td> <td>Kira-kira 50 saat</td> </tr> <tr> <td>Pakaian ringan (Fiber/campuran)</td> <td>Kira-kira 1 minit</td> </tr> <tr> <td>Pakaian kaitan (Fiber)</td> <td>Kira-kira 1-2 minit</td> </tr> <tr> <td>Pakaian dalam (Kapas)</td> <td>Kira-kira 2-3 minit</td> </tr> <tr> <td>Baju kurung (Kapas/Linen)</td> <td>Kira-kira 3-4 minit</td> </tr> <tr> <td>Kain tuala / kain tutup cadar (Kapas)</td> <td>Kira-kira 5 minit</td> </tr> </tbody> </table>	Bahan cucuhan	Masa putar	Kain sutera	Kira-kira 50 saat	Pakaian ringan (Fiber/campuran)	Kira-kira 1 minit	Pakaian kaitan (Fiber)	Kira-kira 1-2 minit	Pakaian dalam (Kapas)	Kira-kira 2-3 minit	Baju kurung (Kapas/Linen)	Kira-kira 3-4 minit	Kain tuala / kain tutup cadar (Kapas)	Kira-kira 5 minit
Bahan cucuhan	Masa putar														
Kain sutera	Kira-kira 50 saat														
Pakaian ringan (Fiber/campuran)	Kira-kira 1 minit														
Pakaian kaitan (Fiber)	Kira-kira 1-2 minit														
Pakaian dalam (Kapas)	Kira-kira 2-3 minit														
Baju kurung (Kapas/Linen)	Kira-kira 3-4 minit														
Kain tuala / kain tutup cadar (Kapas)	Kira-kira 5 minit														

- ⚠ Perkakas ini bukan direka untuk digunakan oleh kanak-kanak atau individu yang kurang upaya fizikal, deria atau mental, atau kurang pengalaman dan pengetahuan melainkan pengawasan atau arahan penggunaan telah diberikan kepada mereka.
- ⚠ Hos baru yang disertakan bersama perkakas ini harus digunakan dan hos lama tidak boleh digunakan.
- ⚠ Ketika memilih untuk mengalirkan air masuk ke dalam tab cucian atau tab putaran, jangan alihkan injap air masuk ketika air sedang mengalir masuk.
- ⚠ Jika gegaran kuat timbul dalam proses memutar, buka penutup tab putaran dengan serta merta. Pastikan mesin basuh ini diletakkan di atas lantai yang rata dan stabil, lepas itu taburkan cucian secara seimbang.
- ⚠ Untuk menjalankan proses memutar dan menyalirkan air bersama, biarlah cucian diputar selama 1 minit sebelum menyalirkan air.
- ⚠ Jangan membasuh atau memutar pakaian kalis air atau pakaian yang mudah terapung bagi mengelakkan gegaran luar biasa atau merosakkan pakaian lain.

# CARA-CARA PENGGUNAAN

## Program cekap


(Hanya untuk program cekap)

Cucian "Banyak", 15 minit dengan air suam yang bersuhu 40°C, diputar dua kali dengan 3 minit setiap kali; dibilas sekali selama 5 minit dengan air sejuk yang bersuhu 20°C, diputar dua kali dengan 3 minit setiap kali; Dibilas sekali selama 5 minit dengan air sejuk yang bersuhu 20°C, diputar dua kali dengan 4 minit setiap putaran. Paras air "H" ditetapkan untuk semua proses membasuh dan membilas.

## Ciri-ciri khas

### A. Fungsi Rendam (Untuk mesin yang mempunyai fungsi Rendam sahaja)

Untuk pakaian yang sangat kotor, proses Rendam-Basuh adalah berguna untuk mencapai kesan membasuh yang lebih memuaskan. 15-35 minit daripada pemasa basuh diambil untuk proses Rendam-Basuh: (seperti ditunjukkan di bawah)



**Mesin ini boleh membasuh selimut campuran (kurang daripada 3 kg) ditandakan dengan label "Cucian tangan". Cara-cara membasuh adalah seperti berikut:**

- Cairkan bahan pencuci dengan air yang secukupnya (di bawah 50°C), dan dituang ke dalam tab cucian.
- Lipat selimut seperti ditunjukkan dalam gambarajah di bawah, lepas itu dimasukkan ke dalam tab cucian.



- Lipat selimut secara melintang menjadi separuh.
- Lipat sekali lagi menjadi 1/3.
- Gulungkan selimut itu.
- Masukkan ke dalam tab dengan tepi selimut menghadap ke bawah.

### B. Fungsi Penggera (Untuk mesin yang mempunyai fungsi Penggera sahaja)

Fungsi Penggera adalah untuk mengingatkan pengguna bahawa proses membasuh sudah tamat. Fungsi ini adalah penting untuk mengawal proses membasuh.

- Penggera akan berbunyi apabila tamatnya proses membasuh.

### C. Dwivoltan (Untuk mesin yang mempunyai fungsi Dwivoltan sahaja)

Mesin basuh Dwivoltan boleh berfungsi pada voltan 220V atau 127V bagi memenuhi keperluan di negara dan kawasan yang berbeza.

- Voltan ditukar dari 220V 60Hz kepada 127V 60Hz:
  - Keluarkan palam mesin basuh bagi memutuskan bekalan kuasa.
  - Tanggalkan penutup belakang.
  - Keluarkan klip nilon, dan tanggalkan beg plastik.
  - Sambungkan penyambung terminal "Wash127V" pada "Wash", "Spin127V" pada "Spin", dengan itu voltan akan ditukarkan kepada "127V 60Hz".
  - Kemaskan wayar, balut dengan beg plastik dan pasang semula penutup belakang. Dengan itu, mesin basuh boleh disambungkan kuasa untuk beroperasi.

- Jika hendak tukarkan voltan dari 127V 60Hz kepada 220V 60Hz
  - ②③ Langkah ①-③ adalah sama seperti langkah di atas.
  - ④ Sambungkan penyambung terminal "Wash220V" pada "Wash", "Spin220V" pada "Spin" untuk tukarkan voltan kepada "220V 60Hz".
  - ⑤ Langkah ⑤ adalah sama seperti di atas.

Pada langkah ④ di atas, kedua-dua penyambung terminal Wash dan Spin harus disambung dan pastikan ia disambungkan dengan betul.

\*Voltan tetapan kilang adalah "220V 60Hz". Pengguna boleh memilih voltan berdasarkan lingkungan voltan di rantau masing-masing.

# PENYELENGGARAAN

## Perhatian untuk penyelenggaraan


### Penyelenggaraan Kabinet

Gunakan kain lembut untuk mengelap kesan air dan kotoran pada permukaan mesin ini setiap kali selepas penggunaan. Tidak dibenarkan menggunakan bahan kimia yang menghakis atau mudah meruap bagi mengelakkan kerosakan pada permukaan mesin.



### Bersihkan penapis lint

- ◆ Tekan kepala butang dan tarik keluar penapis lint.
- ◆ Terbalikkan keluar bahagian dalam penapis dan dibilas dengan air.
- ◆ Setelah masukkan sesepit, tekan butang untuk pasangannya pada kedudukan asal.
- ◆ Bunyi "ba" menandakan ia telah dipasang dengan baik.



### Perlindungan anti-beku

#### ▲ Untuk mencegah pembekuan:

- ① Tutup pili air, tanggalkan hos air masuk dan kosongkan air di dalam hos air masuk dengan sepenuhnya.
- ② Letakkan hos penyaliran ke bawah dan putar tombol "Pemilih Salir" kepada kedudukan "Salir" untuk kosongkan air di dalam tab.


#### ▲ Jika air sudah membeku, sila ambil langkah-langkah seperti berikut:

- ① Letakkan hos air masuk ke dalam air suam yang bersuhu kira-kira 50°C.
- ② Tuangkan kira-kira 2 liter air suam yang bersuhu tidak melebihi 50°C di dalam tab cucian, biarkan selama 10 minit, letakkan hos penyaliran ke bawah dan putar tombol "Pemilih Salir" kepada kedudukan "Salir" untuk kosongkan air di dalam tab.
- ③ Pasangkan hos air masuk dan buka pili air bagi memastikan pengaliran air masuk dan penyaliran air keluar berfungsi dengan baik.



### Cara-cara untuk mengeluarkan objek yang terjatuh di dalam bahagian luar tab putaran

- ① Tanggalkan semua skru pada rangka dengan pemutar skru dan longgarkan penyambung tali brek.
- ② Tarik keluar rangka dengan kedua-dua tangan dan dialihkan ke belakang.
- ③ Keluarkan pakaian yang terjatuh di dalam bahagian luar tab putaran.
- ④ Pasangkan penyambung tali brek, tekankan rangka ke tempat asal dan ketatkan skrunya.



#### △ Selepas gunakan mesin basuh, jangan lupa untuk lakukan dua perkara berikut:

1. Keluarkan palam kuasa.
2. Tanggalkan hos air masuk.

### Nota:

Mesin basuh ini menggunakan arus ulang-alik dengan voltan dan frekuensi terkadar. Mesin ini akan berfungsi secara normal jika voltan berubah-ubah di antara -10% dan 10% daripada voltan terkadar. Mod penyambungan kord kuasa bagi mesin basuh ini adalah penyambungan bentuk-Y. Pengguna tidak harus pisahkan atau sambungkan semula wayar dengan sendiri. Jika bahagian ini perlu dibaiki, sila hubungi pusat khidmat yang ditetapkan.

# PENYELENGGARAAN

- Jangan disambungkan pada bekalan air panas.
- Selepas penggunaan, pastikan palam kuasa dicabut keluar.
- Pastikan palam yang diguna telah dibumikan dengan sempurna.
- Darjah cerun maksimum bagi permukaan yang menyokong mesin basuh ini tidak harus melebihi 2°.
- Jangan koyakkan wayar elektrik dan komponen di dalam mesin ini dengan sendiri.
- Lubang-lubang di bahagian bawah mesin ini adalah untuk tujuan pengaliran udara. Lubang-lubang itu tidak boleh tersekat oleh objek asing seperti permaidani dan sebagainya.
- Jangan sambungkan wayar bumi dengan wayar hidup kerana ia mungkin mengakibatkan kejutan elektrik.
- Jika kord kuasa sudah rosak, ia mesti diganti oleh juruelektrik berkelayakan bagi mengelakkan sebarang kebahayaan.

**Jika simptom-simptom berikut timbul, sila keluarkan palam kuasa dan jalankan pemeriksaan seperti berikut:**

Simptom	Sebabnya
Mesin basuh tidak dapat berfungsi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Periksa sama ada bekalan kuasa berkeadaan baik.</li> <li>● Periksa sama ada palam kuasa dipasang dengan kemas.</li> <li>● Periksa sama ada tombol pemasa basuh atau tombol pemasa putar berada pada kedudukan "0"</li> </ul>
Hos penyaliran tidak dapat berfungsi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Periksa sama ada hos penyaliran diletakkan terlalu tinggi.</li> <li>● Periksa sama ada hos penyaliran sudah membeku.</li> <li>● Periksa sama ada hos penyaliran tersumbat oleh objek asing.</li> </ul>
Berbunyi luar biasa ketika proses membasuh.	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Periksa sama ada terdapat duit syiling atau apa-apa objek asing yang terjatuh di dalam tab cucian.</li> </ul>
Berbunyi luar biasa dan bergetar kuat ketika proses memutar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Periksa sama ada mesin basuh diletakkan di atas lantai yang rata dan stabil.</li> <li>● Periksa sama ada cucian ditaburkan secara seimbang di dalam tab putaran.</li> <li>● Periksa sama ada terdapat bahan cucian atau bendasing yang terjatuh di dalam bahagian luar tab putaran.</li> </ul>

## Main Technical Parameters

	Basuh	Putar
Kapasiti (Pakaian kering)	13.0 kg	7.0kg
Bekalan kuasa	240V/50Hz	
Kuasa (penyaliran bawah)	450W	180W
Kuasa (penyaliran atas)	450W	180W
Masa maksimum	15 minit	35 minit (Rendam-Basuh)
Kuantiti Air	H: 87L M: 65L L: 42L	
Tekanan air maksimum	0.6Mpa	
Dimensi keseluruhan	902x537x984(mm)	
Berat bersih	Sistem penyaliran bawah	30kg
	Sistem penyaliran atas	30.5kg
Kuasa pump	45W	